



PROGRAM ASAS PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

Modul

Perlembagaan UPM dan Statut yang Berkuat Kuasa

Pejabat Penasihat Undang-Undang UPM
Tingkat 4, Canselori Putra
Universiti Putra Malaysia
43650 Serdang
Selangor

Tel: 603 9769 6172 / 9769 2047
Emel: legal@upm.edu.my

Ratio Legis Est Anima Legis

PERLEMBAGAAN UPM & STATUT YANG BERKUAT KUASA

Pada akhir sesi ini-

1

Memahami kandungan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30)

2

Memahami peruntukan Perlembagaan Universiti (P.U (A) 448/2010)

3

Mengetahui hak dan tanggungjawab seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Universiti dan Statut yang berkuat kuasa di UPM

4

Menguruskan tugas, tanggungjawab dan hak dalam ruang lingkup Perlembagaan Universiti dan Statut

Kandungan Program

1) Pengenalan

- Konsep Perlembagaan
- Pembahagian kuasa Persekutuan
- Hubungan undang-undang antara Perlembagaan Persekutuan dan UPM

2) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30)

- Susunan AUKU 1971
- Kandungan AUKU 1971

3) Perlembagaan UPM (P.U.(A). 448/2010)

- Susunan Perlembagaan UPM
- Kuat kuasa Perlembagaan UPM
- Struktur dan komponen Universiti mengikut Perlembagaan UPM
- Meterai Universiti
- Pegawai Universiti - fungsi dan kuasanya
- Pihak Berkuasa Unversiti - fungsi dan kuasanya
- Statut, Kaedah dan Peraturan
- Kuasa kewangan Universiti
- Pelajar dan Kesatuan Pelajar





Pengenalan: Perlembagaan Persekutuan

Apakah erti “Perlembagaan”

“The fundamental, organic law or principles of government of men, embodied in written documents, or implied in the institutions and usages of the country or society; also, a written instrument embodying such organic law, and laying down fundamental rules and principles for the conduct of affairs.”

“Suatu asas, prinsip undang-undang yang hidup dan tersusun mentadbir rakyat, dalam bentuk tertulis sebagai suatu dokumen atau tersirat dalam institusi-institusi dan adat sesuatu negara atau masyarakat; juga suatu instrumen bertulis mengandungi undang-undang dan menetapkan prinsip serta peraturan asas bagi mengendalikan urusan”

Pengenalan: Perlembagaan Persekutuan

Fakta am mengenai Perlembagaan Persekutuan-

A

Perlembagaan Persekutuan Malaysia digubal oleh Suruhanjaya Reid dan berkuatkuasa 31 Ogos 1957. Pindaan dibuat pada September 1963 oleh Suruhanjaya Cobbold apabila Sabah, Sarawak dan Singapura bersetuju menyertai Persekutuan

B

Terdapat 183 Perkara dan 13 Jadual dalam Perlembagaan Persekutuan.

C

Perlembagaan Persekutuan menubuhkan organ Persekutuan dan mengaturkan hubungan antara Persekutuan dan Negeri

Pengenalan: Perlembagaan Persekutuan

D

Perlembagaan Persekutuan menggunakan pendekatan “pengasingan kuasa’ sebagaimana yang diamalkan di England dalam model Westminster

E

Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang utama Persekutuan

F

menjamin kebebasan asasi setiap rakyat dalam ruang lingkup yang dibenarkan

Pengenalan: Perlembagaan Persekutuan

Doktrin Pengasingan Kuasa dalam Perlembagaan Persekutuan



Pengenalan: Perlembagaan Persekutuan

KEBEBASAN ASASI

1 Perkara 5 Kebebasan diri

2 Perkara 6 Keabdian dan kerja paksa
dilarang

3 Perkara 7 Perlindungan diri dari kuatkuasa undang-undang
jenayah kebelakang dan percicaraan berulang

4 Perkara 8 Kesamarataan

5 Perkara 9 Larangan buang negeri dan kebebasan
bergerak

6 Perkara 10 Kebebasan bercakap, berhimpun dan
berpersatuan

7 Perkara 11 Kebebasan beragama

8 Perkara 12 Hak berkenaan pendidikan

9 Perkara 13 Hak terhadap harta

Pengenalan: Perlembagaan Persekutuan

Undang-Undang utama Persekutuan

“Perlembagaan ini ialah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan ini adalah tidak sah setakat ketidakselarasan”

Perkara 4(1), Perlembagaan Persekutuan

Pengenalan: Perlembagaan Persekutuan

Konsep undang-undang utama negara

Undang-undang asas
dan yang tertinggi

Pengasingan kuasa
Eksekutif, Kehakiman
dan Perundangan


Kuasa YDPA tertakluk
kepada Perlembagaan
dan jaminan
kebebasan asasi

Undang-undang lain
yang bercanggah akan
terbatan setakat
percanggahan itu

Pengenalan: Perlembagaan Persekutuan

Hubungan Perlembagaan Persekutuan dan UPM

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN





Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971


“Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi menubuhkan, menyelenggara dan mentadbir Universiti dan Kolej Universiti dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya”

**berkuat kuasa di seluruh Malaysia pada 30 April 1971*

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971

Akta 30: Susunan

Akta 30 terdiri daripada



Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971

Akta 30: Susunan

01

Bahagian I – Permulaan

- Tajuk dan tafsiran

02

Bahagian II – Pelajaran Tinggi

- Tanggungjawab Menteri
- Kuasa melantik badan penyiasat
- Jawatankuasa menasihati menteri mengenai perlantikan
- Peminjaman atau perpindahan perkhidmatan pekerja Universiti

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971

Akta 30: Susunan

03

Bahagian III – Permulaan

- Larangan penubuhan Universiti
- Memperbadan dan menubuhkan Universiti
- Kesan Perintah Perbadanan
- Perlembagaan Universiti
- Alamat penyampaian,
- Bantuan wang dan akaun
- Kampus Universiti
- Pengambilan Tanah bagi maksud Universiti
- Pengecualian duti harta pusaka
- Perihal Pelajar, aktiviti pelajar dan tatatertib pelajar

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971

Akta 30: Susunan

04

Bahagian IV – Kolej Universiti

- Larangan penubuhan Universiti Kolej
- Penubuhan Universiti Kolej dan Perlembagaannya

05

Bahagian V – Am


- Kesalahan menubuhkan Universiti atau Universiti Kolej
- Larangan memberikan ijazah atau diploma kecuali oleh Universiti atau Universiti Kolej

Jadual Pertama - Perlembagaan Universiti

Jadual Kedua - Kelayakan Pihak Berkuasa Universiti

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971

3 Domain Asas Akta 30



Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971

Perintah Pemerbadanan Universiti oleh YDPA

P.U. (A) 387.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI, 1971

(Sekshen 6)

PERENTAH (PERBADANAN) UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA, 1971

Akta 30.

BAHAWA SA-NYA sekshen 6 Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 memperuntukkan bahawa jika Yang di-Pertuan Agong puashati bahawa ada-lah mustahak demi kepentingan negara supaya suatu Universiti ditubuhkan ia boleh dengan perintah menubuhkan Universiti itu mengikut sekshen-kecil (1) sekshen tersebut;

DAN BAHAWA SA-NYA Yang di-Pertuan Agong ada-lah berpuashati bahawa suatu Universiti patut ditubuhkan;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN menurut kuasa² yang di-beri kepada-nya oleh sekshen 6 (1) Akta itu, Yang di-Pertuan Agong dengan ini membuat perintah yang berikut:

Nama.

1. Perintah ini boleh-lah di-namakan **Perintah (Perbadanan) Universiti Pertanian Malaysia, 1971.**

Perbadanan.

2. (a) Maka hendak-lah ditubuhkan suatu yayasan pelajaran tinggi yang mempunyai taraf Universiti sa-bagai suatu pertubohan perbadanan bagi maksud mengada, memaju dan mengembangkan pelajaran tinggi dalam lapangan Pertanian, Kehutanan, Sains Kehaiwanan, Sains Jati,

1543

P.U. (A) 387.

Sains Kejuruteraan, Teknologi, Sains Kemasyarakatan, Bidang Kemanusiaan dan Pelajaran, dan juga mengadakan penyelidekan dan pengumpulan dan kemajuan pengetahuan dan penyiaran pengetahuan itu dalam lapangan pengajian yang tersebut di-atas;

(b) Yayasan pelajaran tinggi yang tersebut di-atas itu hendak-lah di-kenali dengan nama dan gelaran "Universiti Pertanian Malaysia"; dan

(c) Tapak Universiti Pertanian Malaysia yang tersebut di-atas (di-mana Universiti itu akan di-dirikan) ada-lah di-lot No. 3261, 290, 1698, 2580, 5379, GN, 2399 dan AA/5/63 dalam Mukim Petaling, dalam Daerah Kuala Lumpur, dalam Negeri Selangor dan di-lot No. 6306, 5664, 5269, 5270, 7128, dan 7407 dalam Mukim Kajang, dalam Daerah Ulu Langat, dalam Negeri Selangor.

Di-perbuat pada 4 haribulan Oktober, 1971.

[K.P. Sulit 10030 Jld. II; PN. (PU².) 75.]

Dengan Perintah,

HUSSEIN ONN,
Menteri Pelajaran

(Akan di-bentangkan dalam tiap² satu Majlis Parlimen menurut sekshen 6 (2) Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 (Akta 30).)

Perlembagaan UPM

- ◆ Diwartakan pada 31 Disember 2010 melalui P.U. (A) 448/2010 dan berkuatkuasa pada 1 Januari 2011
- ◆ Memansuhkan Perlembagaan lama (P.U.(A) 106/1998) mulai 1 Januari 2011
- ◆ Tetapi UPM masih lagi pertubuhan perbadanan yang sama seperti mana yang ditubuhkan dalam dalam Perintah (Perbadanan) Universiti Pertanian Malaysia, 1971 (P. U. (A) 387/1971)



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 54
No. 26

31hb Disember 2010

TAMBAHAN No. 143
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 447.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERINTAH UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PENGUBAHAN DAN PENAMBAHAN KEPADA, PERLEMBAGAAN) (UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 26(b) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Universiti dan Kolej Universiti (Pengubahan dan Penambahan kepada, Perlembagaan) (Universiti Putra Malaysia) 2010** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2011.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, "Perlembagaan" ertinya Perlembagaan yang ditetapkan dalam Jadual Pertama kepada Akta.

Perlembagaan UPM

Perintah Perbadanan



Perintah (Perbadanan) Universiti Pertanian Malaysia, 1971 (P. U. (A) 387/1971) dibuat di bawah Seksyen 8 Akta 30 oleh Yang Di-Pertuan Agong (YDPA) dengan nama dan gelaran “Universiti Pertanian Malaysia”



Dinamakan semula sebagai “Universiti Putra Malaysia” pada 3 April 1997 melalui Perintah YDPA yang disiarkan dalam warta P.U (A) 348/97

Perlembagaan UPM

Kesan Perintah Perbadanan

1. Universiti menjadi pertubuhan perbadanan turun temurun.

2. Boleh menyaman dan disaman

3. Menggunakan meterai

4. Membeli harta alih/tak alih

5. Menjual/ melupuskan harta

*Seksyen 7, Akta 30
(Seksyen 3(3) Perlembagaan UPM)*

Perlembagaan UPM

- ◆ Seksyen 8 menghendaki Perlembagaan Universiti mengandungi semua perkara yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta
- ◆ Sekiranya tidak, Lembaga Pengarah perlu ambil langkah bagi mengadakan peruntukan itu
- ◆ YDPA juga boleh pinda Perlembagaan pada bila-bila masa, sekiranya sesuai



BAHASA MELAYU

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**

D.K.P., D.K.M., D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K.(Terengganu), D.K.(Johor),
D.K.(Kedah), S.P.M.J., P.A.T., D.K.M.B.(Brunei).


ENGLISH VERSION

**HIS MAJESTY
SERI PADUKA BAGINDA THE YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**

D.K.P., D.K.M., D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K.(Terengganu), D.K.(Johor),
D.K.(Kedah), S.P.M.J., P.A.T., D.K.M.B.(Brunei).

Perlembagaan UPM

Perlembagaan Universiti (P.U. (A) 448/2010) terdiri daripada-



Perlembagaan UPM

Susunan Perlembagaan

1. Nama dan Tafsiran

2. Bahagian I
Universiti

3. Bahagian II
Pegawai Universiti

4. Bahagian III
Pihak Berkuasa Universiti

5. Bahagian IV
Statut, Kaedah dan Peraturan



6. Bahagian V
Peruntukan Kewangan

7. Bahagian VI
Peruntukan Am

8. Bahagian VII
Peruntukan Kecualian dan Peralihan

9. Jadual

Kaitan Antara Perlembagaan, Auku 1971 & Dasar Undang-Undang



PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN UNDANG-UNDANG LAIN



Perlembagaan UPM

Hak yang dijamin oleh Perlembagaan UPM

Sekyen 8 –

“Tertakluk kepada Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan, keanggotaan Universiti, sama ada sebagai pelajar atau pekerja Universiti, adalah terbuka kepada semua orang tidak kira jantina, ras, agama, bangsa atau kelas; dan tiada apa-apa ujian mengenai kepercayaan atau penganutan agama boleh dilakukan atau diadakan untuk mengehakkan seseorang menjadi anggota atau mengurniakan kepada seseorang apa-apa ijazah atau diploma Universiti, dan juga tiada apa-apa jua fellowship, biasiswa, bantuan, dermasiswa, pingat, hadiah atau kepujian atau kurniaan lain boleh dihadkan kepada orang daripada sesuatu ras, agama, bangsa atau kelas yang tertentu jika belanja baginya dibayar daripada wang am Universiti”



Perlembagaan UPM

Kuasa-Kuasa Universiti

Disenaraikan dalam subsekyen 3(3), 4(1) dengan kuasa tambahan disebut dalam seksyen 5(1) Perlembagaan

kuasa-kuasa ini dijalankan oleh LPU kecuali kuasa itu telah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Universiti, Badan atau pegawai lain – Seksyen 20(1)

Perlembagaan UPM

Kuasa Utama

Seksyen 3(3) Perlembagaan

- membawa guaman dan dibawa guaman dalam semua mahkamah
- Mempunyai meterai perbadanan
- Membeli, mengambil, menerima memegang harta alih atau harta tak alih
- Menjual, mengadaijanji, memajak, menukar atau melupuskan harta alih atau harta tak alih
- Menjalankan kuasa dan tanggungjawab yang dipertanggungkan ke atas Universiti oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan



Perlembagaan UPM

Lambang kuasa Universiti

Meterai Universiti


Diturunkan hanya dalam 2 keadaan:

- a) Suratcara Universiti biasa diturunkan di hadapan Naib Canselor; dan seorang Ahli Lembaga Pengarah
- b) Skrol Ijazah, Diploma, Sijil atau Kepujian Akademik lain diturunkan di hadapan Naib Canselor atau seorang Pegawai yang diberikuasa oleh Naib Canselor



Perlembagaan UPM

Pembahagian Kuasa Dalam Perlembagaan Universiti



Perlembagaan UPM

Pegawai Universiti

Canselor	YDPA	Pendaftar	LPU
Pro-Canselor	Canselor	Bursar	LPU
Naib Canselor	Menteri	Ketua Pustakawan	LPU
Timb. Naib Canselor	Menteri	Penasihat Undang-Undang	LPU
Ketua Kampus Cawangan	Menteri	Dekan/Pengarah	Naib Canselor



PERISYTIHARAN
OLEH
SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
Yang di-Pertuan Agong XVI

BETA AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH Yang
di-Pertuan Agong, dengan Izin Allah, dengan sukacitanya mengisytiharkan bahawa Duli
Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin
Abdul Aziz Shah Alhaj, D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak),
D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S.,
S.S.I.S., S.P.M.J., Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan dilantik
sebagai Canselor Universiti Putra Malaysia berkuat kuasa mulai Satu haribulan April
Tahun Dua Ribu Dua Puluh Dua hingga Tiga Puluh Satu haribulan Mac Tahun Dua
Ribu Dua Puluh Sembilan.

2. DIKURNIAKAN di Istana Negara, Kuala Lumpur, di bawah tapak tangan BETA dan
Cap Mohor BETA pada⁴..... haribulan^{Syawal}.....
Tahun Seribu Empat Ratus Empat Puluh Tiga Hijrah bersamaan dengan⁵.....
haribulan.....^{Mei}..... Tahun Dua Ribu Dua Puluh Dua Masihi.

Dengan Titah Perintah Baginda,

Datuk Pengelola Bijaya Diraja

Perlembagaan UPM Canselor





Perlembagaan UPM

Pihak Berkuasa Universiti

- 1) Lembaga Pengarah Universiti
- 2) Senat
- 3) Jawatankuasa Pengurusan Universiti
- 4) Fakulti/ Sekolah/ Institut/ Akademi/ Pusat
- 5) Jawatankuasa Pengajian
- 6) Jawatankuasa Pemilih
- 7) Jawatankuasa Kebajikan Pelajar



Perlembagaan UPM

Lembaga Pengarah Universiti

- a) Badan pengelola, pembuat dasar dan pengawas Universiti tetapi tidak boleh membuat ketetapan dalam urusan Senat tetapi boleh menghantar pendapatnya kepada Senat untuk pertimbangan – seksyen 21, Perlembagaan.

- b) Keahlian – 11 orang – seksyen 17(1) Perlembagaan UPM
 - Pengerusi
 - Naib Canselor
 - Dua orang pegawai perkhidmatan awam
 - Seorang wakil masyarakat setempat
 - Seorang profesor yang dipilih oleh Senat
 - Lima orang, tiga daripada sektor swasta, seorang alumni dan seorang dari dalam atau luar universiti yang berpengetahuan dan berpengalaman

Lembaga Pengarah UPM



YAM Tengku Syarif Laksamana Perlis Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Syed Putra Jamalullail
Pengerusi



Prof. Dato' Dr. Mohd.
Roslan Sulaiman



Dr. Mohd. Zabri
Yusoff



Pn. Rokhoun Nafsiah
Abd Rashid



Dato' Dr. Hasan Mad



Dato' Syed Haizam
Hishamuddin Putra
Jamalullail



Dato' Sri Jailani Johari



Pn. Norashekin Yusof



Datin Maizatul Akmal
Hj. Alawi



Dato' Raihan Sharif



Seorang profesor yang
dipilih oleh Senat



En. Muhazam Mansor
Setiausaha LPU/Pendaftar



Perlembagaan UPM

Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ahli Lembaga Pengarah



Sama ada sebahagian daripada Universiti/UPM?



Perlembagaan UPM

Lembaga Pengarah Universiti

- 1) Sebahagian dari Universiti
- 2) Kuasa Lembaga
 - i. Seksyen 3(3)
 - ii. Seksyen 4(1)
 - iii. Seksyen 20 (1) (2) dan (3)
 - iv. Kuasa 5(1)



Perlembagaan UPM

Fungsi dan kuasa Lembaga Pengarah

20. (1) Lembaga hendaklah menjadi badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi Universiti, dan boleh menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Universiti kecuali setakat yang kuasa itu diberikan oleh Perlembagaan ini atau statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan kepada Pihak Berkuasa, badan atau kepada pegawai lain Universiti.

(2) Tiada ketetapan boleh diluluskan oleh Lembaga berhubung dengan apaapa perkara dalam kuasa Senat, tetapi Lembaga boleh menghantar pendapatnya kepada Senat mengenai apa-apa perkara dalam kuasa Senat, bagi pertimbangan Senat.

(3) Sebagai tambahan kepada fungsi dan kuasa di bawah subseksyen (1), Lembaga hendaklah—

- (a) mengadakan perancangan pengawasan yang strategik yang bercirikan pendidikan dan misi Universiti;
- (b) menggalakkan pengurusan yang cekap dan berkesan dan mengadakan kajian semula yang menyeluruh mengenai operasi Universiti;
- (c) membangunkan hubungan dengan masyarakat, sektor korporat dan industri;
- (d) memupuk hubungan global dan keantarabangsaan berhubung dengan pelajaran tinggi dan penyelidikan;
- (e) memastikan pelaksanaan Perlembagaan, undang-undang dan dasar Universiti dan untuk memastikan bahawa tiap-tiap Pihak Berkuasa, Jawatankuasa, Pegawai atau jawatankuasa sentiasa bertindak menurut kuasanya dan bidang tugasnya



Perlembagaan UPM

Senat

- a) Badan akademik di Universiti dan berhak mengawal dan memberikan arahan am mengenai pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan, pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik yang lain - Seksyen 22(5) Perlembagaan
- b) Keahlian – Seksyen 22(1) Perlembagaan
 - I. Naib Canselor
 - II. Semua Timbalan Naib Canselor
 - III. Semua Dekan
 - IV. Tidak lebih 20 orang profesor yang dipilih oleh kalangan profesor dan profesor madya
 - V. Tidak lebih 5 orang daripada UPM yang dikopt oleh Naib Canselor

Perlembagaan UPM

Senat

Badan akademik di Universiti dan berhak mengawal dan memberikan arahan am mengenai pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan, pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik yang lain - Seksyen 22(5) Perlembagaan

Sivapalan Govindasamy v. University Malaya

[2020] 9 CLJ 618



Perlembagaan UPM

Jawatankuasa Pengurusan Universiti

- a) Berfungsi untuk menasihati Naib Canselor berhubung dengan fungsi pentadbiran dan pengurusannya
- b) Keahlian
 - i. Naib Canselor
 - ii. Semua Timbalan Naib Canselor
 - iii. Pendaftar
 - iv. Bursar
 - v. Ketua Pustakawan
 - vi. Penasihat Undang-Undang
 - vii. Mana-mana pegawai lain yang dilantik Naib Canselor

Seksyen 23 Perlembagaan





Perlembagaan UPM

Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut

- a) Bertanggungjawab kepada Senat atas penyusunan mata pelajaran mengenai bidang pengajian dalam bidang kuasa Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut
- b) Nama ditetapkan oleh statut
- a) Keahlian
 - Dekan sebagai pengerusi
 - Guru sebagai ahli

Seksyen 24, Perlembagaan



Perlembagaan UPM

Jawatankuasa Pengajian

Dilantik oleh Senat untuk 2 tujuan-

- 1) Mengurus perkara mengenai Fakulti, sekolah, Pusat, Akademi, Institut
- 2) Menimbang cadangan mengenai penubuhan Fakulti, sekolah, Pusat, Akademi, Institut

Seksyen 25, Perlembagaan



Perlembagaan UPM

Jawatankuasa Pemilihan

- 1) Jawatankuasa Pemilihan bagi maksud Profesor, profesor kanan, dan pegawai dalam seksyen 14 Perlembagaan
- 2) Jawatankuasa Pemilihan bagi jawatan lain dari di atas

Jawatankuasa Pemilihan \neq Pihak Berkuasa Melantik
 \neq Penandatanganan suratcara lantikan

*Seksyen 26, Perlembagaan
Seksyen 53, Perlembagaan*



Perlembagaan UPM

Jawatankuasa Pemilihan

Prof. Dr. Zafarudin v. Universiti Putra Malaysia



Perlembagaan UPM

Pegawai Universiti

1. Canselor
2. Pro-Canselor
3. Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor
4. Ketua Kampus Cawangan
5. Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang
6. Pegawai lain yang ditetapkan oleh Statut

*Seksyen 10-15
Perlembagaan*



Perlembagaan UPM

Jawatankuasa Kebajikan Pelajar


Kuasa seperti mana yang ditetapkan oleh statut

Keahlian –

- i. Naib Canselor sebagai pengerusi
- ii. Dua orang yang dipilih oleh MPP
- iii. Ahli lain yang dilantik Lembaga

Sekyen 28, Perlembagaan

HIERARK



Perlembagaan UPM

- Perlembagaan (YDPA)
- Statut (Canselor)
- Kaedah-Kaedah (Lembaga)
- Peraturan (Lembaga/Senat)

Seksyen 34, 35, 36,37, 38 Perlembagaan

Perlembagaan UPM

Kuasa Kewangan

Kuasa lembaga dan dikawal melalui
Jawatankuasa Tetap Kewangan

Seksyen 41, Perlembagaan



Perlembagaan UPM

Kuasa Kewangan

- 1) Pegawai bertanggungjawab menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan Universiti bagi pertimbangan Naib Canselor, bagi tiap-tiap tahun kewangan Universiti
- 2) Anggaran tahunan perlu diluluskan dan dikemukakan oleh Lembaga kepada Menteri 4 bulan sebelum berakhir tahun kewangan semasa, bagi tahun kewangan berikutnya
- 3) Bagi tujuan di atas, draf anggaran perlu disediakan oleh Jawatankuasa Tetap Kewangan kepada Lembaga dan diserahkan tidak kurang 7 hari sebelum tarikh mesyuarat Lembaga kepada ahlinya
- 4) Lembaga boleh menolak, mengubahsuai atau meluluskan anggaran itu



Perlembagaan UPM

Kuasa Kewangan

Kuasa lembaga untuk mendapatkan dana,
menerima hadiah, dsb

Seksyen 48, Perlembagaan



Perlembagaan UPM

Kuasa Kewangan

Bentuk Kontrak

Kontrak yang melibatkan perbelanjaan Universiti dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh pekerja yang diberikuasa oleh Lembaga

Minit Lembaga Pengarah Universiti 118/15 dan 127/05 menyenaraikan pekerja yang boleh menandatangani kontrak bagi pihak UPM

Seksyen 50, Perlembagaan



Perlembagaan UPM

Kuasa Kewangan

Bentuk Kontrak

Dalam Mahkamah Sesyen Shah Alam No. BA-

B52NCVC-448-12/2016

S-Core It Solution Sdn Bhd

Dan

Universiti Putra Malaysia



Perlembagaan UPM

Kesatuan Pelajar
Dan
Majlis Perwakilan Pelajar

Seksyen 57, Perlembagaan



Perlembagaan UPM

Ijazah yang telah diberikan boleh dilucutkan-

Mahasiswa yang melakukan perbuatan skandal, boleh dilucutkan ijazahnya

- Hak untuk didengar mesti diberikan -

Seksyen 61 Perlembagaan



Perlembagaan UPM

Minit

Minit Pihak Berkuasa perlu disediakan dan disenggarakan. Minit yang ditandatangani akan diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya

Perenggan 7 Jadual kepada Perlembagaan



Perlembagaan UPM

Pendedahan Kepentingan

Ahli Pihak Berkuasa yang mempunyai kepentingan dalam sesuatu transaksi yang dia terlibat dalam penimbangtelitian untuk keputusan Pihak Berkuasa itu, perlu dedahkan kepentingannya dalam transaksi itu dan pendedahan itu perlu direkodkan dalam Minit Pihak Berkuasa

Perenggan 8 Jadual kepada Perlembagaan



Statut, Kaedah & Peraturan

Senarai Statut

1. Statut UPM (Lembaga Hal Ehwal Pelajar), 1979
2. Statut UPM (Pembahagian Universiti kepada Fakulti, Yayasan dan Pusat)(Pindaan) 1979
3. Statut UPM (Keanggotaan & Kuasa-Kuasa Senat)(Pindaan) 1978
4. Statut UPM (Lembaga Kediaman Palajar) 1978
5. Statut UPM (Pembahagian Universiti kepada Fakulti, Yayasan & Pusat)(Pindaan) 1983
6. Statut UPM (Pusat Komputer) 1982
7. Statut UPM (Institut Perundingan) 1985
8. Statut Universiti Pertanian Malaysia (Keanggotaan dan Kuasa-Kuasa Senat) 1977



Statut, Kaedah & Peraturan

9. Statut Universiti Pertanian Malaysia (Penetapan Ijazah dan Diploma) 1977
10. Statut Universiti Pertanian Malaysia (Pembahagian Universiti kepada Fakulti, Yayasan dan Pusat) 1978
11. Statut Universiti Pertanian Malaysia (Profesor Emeritus) 1982
12. Statut Universiti Pertanian Malaysia (Cuti Sabatikal) 1990
13. Statut Universiti Pertanian Malaysia (Keanggotaan dan Kewajipan-Kewajipan Fakulti) 1978
14. Statut Universiti Pertanian Malaysia (Senat) 1983
15. WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN (12 STATUT)



Statut, Kaedah & Peraturan

Senarai Kaedah & Peraturan

1. Kaedah-Kaedah UPM (Perkara Penyelidikan) 2012
2. Kaedah-Kaedah Universiti Pertanian Malaysia (Tatatertib Kakitangan) 1979
3. Kaedah-Kaedah Universiti Pertanian Malaysia (Tatatertib Kakitangan)(Pindaan) 1979
4. Kaedah-Kaedah Universiti Pertanian Malaysia (Acara Konvokesyen) 1977
5. Kaedah-Kaedah Universiti Pertanian Malaysia (Pesekutu Akademik) 1977
6. Kaedah-Kaedah Universiti Pertanian Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar)(Pindaan) 1996
7. Kaedah-Kaedah UPM (Perkara Penyelidikan)(Pindaan) 2012



Statut, Kaedah & Peraturan

8. Kaedah-Kaedah UPM (Teknologi Maklumat & Komunikasi) 2014
9. Kaedah-Kaedah UPM (Perkara Akademik Prasiswazah)(Pindaan) No.2 2016
10. Kaedah-Kaedah UPM (Program Pengajian Tanpa Ijazah) 2014
11. Kaedah-Kaedah UPM (Perkara Akademik Prasiswazah) 2014
12. Kaedah-Kaedah UPM (Tatatertib Kakitangan)(Pindaan) 1979
13. Kaedah-Kaedah Universiti Pertanian Malaysia (Tatatertib Kakitangan) 1979
14. Kaedah-Kaedah Universiti Pertanian Malaysia (Acara Konvokesyen) 1977



Statut, Kaedah & Peraturan

15. Kaedah-Kaedah Universiti Pertanian Malaysia (Pesekutu Akademik) 1977
16. Kaedah-Kaedah Universiti Pertanian Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar)(Pindaan) 1996
17. Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) (Pindaan) 2016



1) Pengenalan

- Konsep Perlembagaan
- Pembahagian kuasa Persekutuan
- Hubungan undang-undang antara Perlembagaan Persekutuan dan UPM

2) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30)

- Susunan AUKU 1971
- Kandungan AUKU 1971

3) Perlembagaan UPM (P.U.(A). 448/2010)


- Susunan Perlembagaan UPM
- Kuat kuasa Perlembagaan UPM
- Struktur dan komponen Universiti mengikut Perlembagaan UPM
- Meterai Universiti
- Pegawai Universiti - fungsi dan kuasanya
- Pihak Berkuasa Unversiti - fungsi dan kuasanya
- Statut, Kaedah dan Peraturan
- Kuasa kewangan Universiti
- Pelajar dan Kesatuan Pelajar

Penutup

Diharap sesi ini mencapai objektif yang dinyatakan:

memahami kandungan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30)

mengetahui hak dan tanggungjawab seperti yang diperuntukan oleh Perlembagaan Universiti



memahami peruntukan Perlembagaan Universiti (P.U (A) 448/2010) dan Statut yang berkuat kuasa

menguruskan tugas, tanggungjawab dan hak dalam ruang lingkup Perlembagaan Universiti



Terima kasih

Pejabat Penasihat Undang-Undang UPM
Tingkat 4, Canselori Putra
Universiti Putra Malaysia
43650 Serdang
Selangor

Tel: 603 9769 6172 / 9769 2047 Emel:
legal@upm.edu.my


Ratio Legis Est Anima Legis



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI



Lampiran



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 41
No. 18

4hb September 1997

TAMBAHAN No. 60
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 348.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERINTAH (PEMERBADANAN) UNIVERSITI PERTANIAN
MALAYSIA (PINDAAN) 1997

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 22 Akta Tafsiran 1948 dan 1967, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah (Pemerbadanan) Universiti Pertanian Malaysia (Pindaan) 1997** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 3 April 1997.

2. Dalam Perintah ini, "tarikh yang ditetapkan" ertinya tarikh Perintah ini mula berkuatkuasa.

3. Universiti Pertanian Malaysia yang ditubuhkan di bawah Perintah (Perbadanan) Universiti Pertanian Malaysia 1971, hendaklah, daripada tarikh yang ditetapkan, dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia.

4. Segala sebutan mengenai Universiti Pertanian Malaysia dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hakmilik, suratan, bon, perjanjian dan perkiraan pengusahaan yang wujud sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Universiti Putra Malaysia.

Alta 388.

Nama dan mula berkuatkuasa.

Tafsiran.

Pertukaran nama Universiti. P.U. (A) 487/71.

Segala sebutan mengenai Universiti Pertanian Malaysia hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Universiti Putra Malaysia.

P.U. (A) 348.

1698

Hak, dsb. tidak tersentuh dan prosiding undang-undang tidak menjadi caici.

5. Pertukaran nama daripada Universiti Pertanian Malaysia kepada Universiti Putra Malaysia tidaklah menyentuh apa-apa hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi Universiti Pertanian Malaysia atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya.

Prosiding undang-undang hendaklah diteruskan atas nama Universiti Putra Malaysia.

6. Prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Universiti Pertanian Malaysia sebelum tarikh yang ditetapkan, boleh diteruskan atau dimulakan atas nama Universiti Putra Malaysia.

Tanggungan boleh dikuatkuasakan terhadap Universiti Putra Malaysia.

7. Segala tanggungan yang sedia ada yang dilakukan oleh atau bagi pihak atau bagi maksud Universiti Pertanian Malaysia boleh, pada tarikh yang ditetapkan, dikuatkuasakan terhadap Universiti Putra Malaysia.

Peletakhakan tanah, harta dan aset pada Universiti Putra Malaysia.

8. Segala tanah, harta dan aset yang sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan terletak pada atau dirizabkan bagi Universiti Pertanian Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, terletak pada atau dirizabkan bagi Universiti Putra Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan, atau pemindahmilikan.

Dibuat 26 Julai 1997.

[K.P. S (PT) 10030/3/Jld. IV; *PN. (PU²) 75E Pt. II.]

Dengan Titah Perintah,

DATO' SRI MOHD. NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK,
Menteri Pendidikan